

Australia masih berharap

➔ Laporan penuh kehilangan pesawat akan didedahkan

■ Canberra

Australia masih berharap Penerbangan 370 (MH370) milik Malaysia Airlines akan ditemui suatu hari nanti ketika pencarian terakhir dasar laut kawasan terencil Lautan Hindi, lokasi pesawat itu dipercayai hilang, berakhir semalam.

Minggu lalu, Malaysia berkata, usaha pencarian oleh syarikat Ocean Infinity beribu pejabat di Texas berakhir semalam selepas dua lanjutan berbanding had asal 90 hari, menurut laporan *Associated Press*.

Menteri Pengangkutan Australia,

Michael McCormack berkata pencarian empat tahun itu adalah yang terbesar dalam sejarah penerbangan dan menguji had teknologi serta kemampuan pakar dan tenaga manusia di laut.

"Takziah kepada keluarga dan orang tersayang 239 mangsa MH370.

"Kami masih berharap satu hari nanti pesawat itu akan dapat dikesan," kata pejabat McCormack dalam satu kenyataan.

Disambung jika ada bukti kukuh

Malaysia menandatangani satu perjanjian 'tiada bayaran tanpa hasil' bersama Ocean Infinity Januari lalu untuk menyambung pencarian pesawat itu, setahun selepas pencarian rasmi di selatan Lautan Hindi oleh Australia, Malaysia dan China dihentikan.

Tiada usaha pencarian lain dijadualkan.

Australia, Malaysia dan China bersetuju pada 2016, pencarian rasmi cuma akan disambung jika ketiga-tiga negara mempunyai bukti kukuh yang mengenal pasti lokasi tepat bangkai pesawat itu.

Minggu lalu, Malaysia berka-

ta kapal Ocean Infinity, Seabed Contractor, yang mengendalikan dron sonar bawah laut melakukan pencarian di kawasan lebih 96,000 kilometer persegi lautan itu.

Kegagalan amat mengecewakan
Kawasan pencarian disifatkan pakar sebagai lokasi paling kemungkinan nahas cuma 25,000 kilometer persegi, lebih kurang sebesar saiz Vermont di Amerika Syarikat (AS).

Pesawat Boeing 777 hilang pada 8 Mac 2014, ketika dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke Beijing. Sementara itu, Ocean Infinity dalam satu kenyataan semalam berkata, 'pencarian terkini bangkai pesawat Penerbangan MH370 akan berakhir tidak lama lagi.'

Jurucakap itu menambah, pencarian akan berakhir beberapa hari lagi tanpa memberi tarikh sebenar.

Ketua Eksekutifnya, Oliver Plunkett berkata, kegagalan menemui bangkai pesawat 'amat mengecewakan' namun beliau berharap, syarikat itu berupaya 'sekali lagi menawarkan perkhidmatan kami dalam pencarian MH370 di masa akan datang.'

Sementara itu di Kuala Lumpur, kerajaan baharu Malaysia berjanji akan mengeluarkan laporan sekian lama ditunggu berhubung kehilangan MH370 selepas usaha pencarian bawah laut berakhir semalam.

Menteri Pengangkutan, Malaysia, Anthony Loke berkata, laporan penuh kehilangan MH370 akan diterbitkan di masa akan datang tanpa berselindung.

Pencarian asal memberi tumpuan di Laut China Selatan sebelum analisis mendedahkan pesawat itu membuat pusingan tidak dijangka ke barat dan kemudian ke selatan.

Australia menyelaras pencarian rasmi bagi pihak Malaysia yang meliputi kawasan seluas 120,000 kilometer persegi dan menelan belanja AS\$150 juta (RM597 juta) sebelum ia berakhir tahun lalu.

Sementara itu, rakyat Australia yang kehilangan suami dalam nahas itu, Danica Weeks, menggesa Menteri Luar, Julie Bishop, mendesak kerajaan baharu Malaysia supaya lebih telus mengenai apa yang mereka ketahui mengenai misteri kehilangan pesawat itu.

AGENSI/AFP

Info

Kawasan pencarian Ocean Infinity

➔ Sudah meninjau lebih 112,000 kilometer persegi kawasan dasar laut termasuk 25,000 kilometer persegi di utara zon pencarian asal, dikenal pasti samitis sebagai tapak nahas mungkin.

➔ **Seabed Constructor**,

adalah kapal pencarian

Norway membawa 65 kru

termasuk dua anggota

tentera laut Malaysia

sebagai wakil kerajaan.

➔ **la menggunakan** Japan

dron autonomi dilengkapi

sonar dan kamera, berupaya

beroperasi pada kedalaman

sehingga 6,000 meter.

➔ **Hanya tiga serpihan**

disahkan MH370 ditemui,

kesemuanya di pantai barat

Lautan Hindi termasuk sayap

dua meter dikenali flaperon.